

KEMPEN “PEMBUKAAN CAWANGAN BAHARU BURMAH HOUSE”

Dikemaskini pada 26 Julai 2018

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Pembukaan Cawangan Baharu Burmah House” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) hanya terbuka kepada **Cawangan HLB Burmah House** (“Cawangan Sertaan”) dan bermula dari 2 Ogos 2018 hingga 17 Ogos 2018, 09:15:00 jam (9.15 pagi) hingga 16:30:00 jam (4.30 petang) (“Tarikh Kempen”). Promosi ini merangkumi Deposit Tetap & Deposit Tetap-i (“FD/-i”), Akaun Semasa & Simpanan & Akaun Semasa & Simpanan-i (“CASA/-i”), Pemindahan Baki (“BT”), Dana ASNB, Pembiayaan-i ASB, Bancassurance, Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i, Pinjaman Auto & Pembiayaan Auto-i (“Pembiayaan Auto/-i”), Pinjaman Tunai Biz, Pembiayaan Gadai Janji & Pembiayaan Hartanah-i GSME (“Pembiayaan Hartanah-I GSME”), Akaun Semasa Biz One dan Akaun Semasa Power SME dan PowerLink Pengurusan Kekayaan pada Tarikh-tarikh Promosi melainkan diberitahu sebaliknya.

Tarikh Kempen dan Cawangan Sertaan tertera dalam jadual di bawah ini:

Cawangan Sertaan	Tempoh Promosi A	Tempoh Promosi B
Burmah House NO 405, Jalan Burmah 10350 Penang	2 Ogos 2018	2 – 17 Ogos 2018

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

PROMOSI 1 HARI (A)

Promosi 1 Hari (“Promosi A”) hanya pada 2 Ogos 2018 (“Tempoh Promosi A”), melainkan diberitahu sebaliknya.

PROMOSI DEPOSIT TETAP / DEPOSIT TETAP-i 3 BULAN DAN 6 BULAN (PROMOSI A1)

KELAYAKAN

- Promosi FD / FD-i terbuka kepada seluruh pemegang baharu dan sedia ada bagi Akaun Deposit Tetap / Deposit Tetap-i Hong Leong sertaan yang berikut seperti dinyatakan dalam Fasal 3 di bawah (“Akaun FD / FD-i”) yang merupakan pelanggan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia atau pelanggan bukan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia (“Pelanggan FD / FD-i”).
- Bagi mengelakkan keraguan:
 - Pemegang akaun baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai Akaun FD / FD-i dengan HLB / HLISB sebelum Tarikh Promosi A.
 - Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi bukan untung, empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional dan akaun klien peguam cara yang sempurna didaftarkan dan diperbadankan di Malaysia dan Syarikat Sendirian Berhad. Kriteria tertentu bagi Syarikat Sendirian Berhad ialah syarikat itu mestilah menjalankan jenis perniagaan bukan perkilangan dengan Perolehan Jualan Tahunan sehingga Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000).
- Akaun FD / FD-i Sertaan bagi Promosi A1 ini adalah seperti berikut:-
 - FD Konvensional;
 - FD Premium Perbankan Prioriti;
 - FD Fleksi Senior Savers; dan
 - FD Islam.
- Promosi FD / FD-i hanyalah terbuka untuk Dana Baharu sahaja. “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
 - Wang tunai, Bursa Pemprosesan Kewangan (“FPX”), pindahan segera, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun FD / FD-i sedia ada atau baharu milik Pelanggan yang dibuka dengan HLB / HLISB. Bagi tujuan ini, dana baharu mestilah diletakkan

- dan didepositkan ke dalam Akaun FD / FD-i sedia ada atau baharu milik Pelanggan dalam masa tujuh (7) hari pindahan kepada HLB / HLISB; dan
- b. Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana akaun CASA / CASA-i HLISB atau FD / FD-i HLB milik Pelanggan.
5. Yang berikut ini tidak dianggap “Dana Baharu”:
 - a. FD / FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD / FD-i daripada mana-mana akaun FD / HLISB FD-i HLB yang sedia ada;
 - b. Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
 - c. Pindahan antara dan / atau intra cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).
 6. Pelanggan FD / FD-i yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa tarikh Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi FD / FD-i ini ;
 7. Pelanggan FD / FD-i yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan kesalahan seperti yang dinyatakan di dalam ini akan serta-merta terlucah kelayakannya daripada menyertai Promosi FD / FD-i ini.

KAEDAH PROMOSI A1

8. Pelanggan FD / FD-i yang telah membuat peletakan deposit berkisar antara Amaun Peletakan FD / FD-i Minimum yang ditetapkan hingga Amaun Peletakan FD / FD-i Maksimum (“Amaun FD / FD-i” seperti ditetapkan dalam jadual di bawah) ke dalam Akaun FD / FD-i baharu atau sedia ada masing-masing bagi Tempoh berkenaan seperti dinyatakan di bawah semasa Tempoh Promosi adalah layak menikmati Kadar FD / FD-i Promosi sepadan seperti berikut (“Pelanggan FD / FD-i Layak”):

Tempoh FD	Produk	Kadar FD Promosi	Kadar FD Efektif	Amaun Peletakan FD Minimum	Amaun Peletakan FD Maksimum
3 bulan	FD Konvensional / FD Islam	3.95% setahun	3.95% setahun	RM50,000	RM500,000
6 bulan	FD Konvensional / FD Premium Perbankan Prioriti / FD Fleksi Senior Savers / FD Islam	4.05% setahun	4.05% setahun		

9. Amaun Peletakan FD / FD-i Minimum ialah **Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000)** dan Amaun Peletakan FD / FD-i Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000)**. Sekiranya mana-mana Amaun Peletakan FD / FD-i melebihi Amaun Peletakan FD / FD-i Maksimum yang ditetapkan atau jika Had Saiz Dana Promosi FD / FD-i masing-masing telah dicapai, mengikut mana yang dahulu, maka Amaun FD / FD-i yang melebihi Amaun Peletakan FD / FD-i Maksimum yang ditetapkan itu atau sasaran Promosi FD / FD-i akan tertakluk kepada kadar faedah semasa FD / FD-i.
10. Pelanggan FD / FD-i Layak dikehendaki menamakan Akaun CASA / CASA-i yang disimpan dengan HLB / HLISB di bawah nama Pelanggan FD / FD-i Layak (“CASA / CASA-i Namaan”) bagi tujuan mengkreditkan faedah / keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi FD / FD-i ini.
11. Faedah / keuntungan yang diperolehi bagi FD Konvensional, FD Premium Perbankan Prioriti dan FD Islam akan dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang, manakala faedah yang diperolehi bagi FD Fleksi Senior Savers akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.
12. Pada tarikh matang, Amaun Peletakan FD / FD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah semasa FD / FD-i masing-masing, dan faedah / keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke

dalam CASA / CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan dan / atau pada tarikh matang. Bagi tempoh 6 bulan atau kurang, faedah / keuntungan dibayar pada tarikh matang.

13. Pengeluaran sebahagian Amaun FD / FD-i tidak dibenarkan bagi FD Konvensional dan FD Islam. Faedah / keuntungan tidak akan dibayar sekiranya Amaun FD / FD-i bagi FD dan FD Islam dikeluarkan sebelum tarikh matang Tempoh FD / FD-i masing-masing seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 8 di atas. Bagi FD Premium Perbankan Prioriti, FD Fleksi Senior Savers dan FD Junior, tertakluk kepada Fasal 14 Terma & Syarat di dalam ini, maka pengeluaran sebahagian Amaun FD dibenarkan dalam gandaan Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sahaja. Akan tetapi, sekiranya amaun dalam FD Premium Perbankan Prioriti, FD Fleksi Senior Savers dan / atau FD Junior adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000), pengeluaran sebahagian bagi akaun berkenaan tidak akan dibenarkan.
14. Bagi pengeluaran pramatang berkuat kuasa 7 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018, apabila FD dikeluarkan, sebahagian atau keseluruhan, sebelum tarikh matang, peraturan berikut akan terpakai:
 - (a) Faedah tidak akan dibayar bagi mana-mana Amaun FD dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan.
 - (b) Selain keadaan-keadaan yang dibentangkan dalam Fasal 14 (a) di atas, faedah akan dibayar bagi FD yang dikeluarkan sebelum genap tempoh dan dibayar pada setengah (1/2) kadar faedah asal yang ditetapkan bagi setiap bulan genap.

15. Faedah tidak akan dibayar bagi pengeluaran pramatang FD berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, tanpa mengambil kira bilangan bulan genap pada masa berlakunya pengeluaran pramatang.

HLB berhak menolak balik dan memotong amaun yang setara dengan faedah yang dibayar kepada Pelanggan FD Layak bagi Amaun FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun FD pokok semasa pengeluaran dibuat.

16. Berkuat kuasa 7 Julai 2018 – 31 Disember 2018, Pelanggan FD-i Layak akan dianggap telah bersetuju menyetujui haknya untuk menuntut Harga Jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang. Sekiranya Amaun FD-i dikeluarkan sebelum tarikh matang Tempoh FD-i, maka peraturan pengeluaran pramatang berikut akan terpakai:
 - (a) Keuntungan tidak akan dibayar bagi Amaun FD-i yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan.
 - (b) Selain keadaan-keadaan yang dibentangkan dalam Fasal 14 (a) di atas, keuntungan akan dibayar bagi FD-i yang dikeluarkan sebelum genap tempoh dan dibayar pada setengah (1/2) kadar faedah asal yang ditetapkan bagi setiap bulan genap.

17. Keuntungan tidak akan dibayar bagi pengeluaran pramatang FD-i berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, tanpa mengambil kira bilangan bulan genap pada masa berlakunya pengeluaran pramatang.

HLISB berhak menolak balik dan memotong amaun yang setara dengan keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan FD-i Layak bagi Amaun FD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun FD pokok semasa pengeluaran dibuat

18. Amaun FD / FD-i TIDAK boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mencagarkan apa-apa kemudahan kredit yang didapati atau akan didapati oleh Pelanggan FD / FD-i Layak.

PEMBUKAAN AKAUN (PROMOSI A2)

KELAYAKAN

19. Promosi A2 terbuka kepada pelanggan Bank warga Malaysia yang merupakan pelanggan individu yang baharu dan sedia ada, tidak termasuk pelanggan Perbankan Prioriti dan Perbankan Persendirian Hong Leong ("Pelanggan").
20. Promosi A2 **TIDAK** terbuka kepada Pemegang Akaun bukan warga Malaysia dan pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
21. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") (686191-W) atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau

HLISB atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen **TIDAK** layak menyertai Kempen A2 ini.

KAEDAH PROMOSI A2

22. Pelanggan mestilah membuka Akaun Semasa atau Simpanan Terpilih (“CASA Terpilih”) seperti tersenarai dalam Fasal 23 dengan deposit permulaan minimum RM500.00.

23. CASA Terpilih termasuk:

- a. Akaun Simpanan Asas Hong Leong
- b. Akaun Simpanan Hong Leong
- c. Akaun Semasa Asas Hong Leong
- d. Akaun Semasa Hong Leong
- e. Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
- f. Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
- g. Akaun Pay&Save Hong Leong
- h. Akaun Top Yield Hong Leong
- i. Akaun Simpanan Junior Hong Leong
- j. Akaun Junior 3-dlm-1 Hong Leong

24. Untuk menyelakkan keraguan, Akaun Semasa atau Simpanan Terpilih seperti tersenarai dalam Fasal 23 layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

25. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Fasal 22 di atas hendaklah disebut “Pelanggan Layak”.

26. Pelanggan Layak akan menerima pemberian berikut berdasarkan jenis CASA Terpilih yang dibuka semasa Tempoh Promosi A:

CASA Terpilih	Pemberian	Bilangan Maksimum Pemberian yang diberi
Akaun Simpanan Harvest Hong Leong	Beg Jinjing Harvest X 1	50
Akaun Junior 3-dlm-1 Hong Leong	Bekas Bekal Makanan Fluffy X 1	50
CASA Terpilih Lain seperti tersenarai dalam Fasal 5 di samping Akaun Simpanan Harvest Hong Leong & Akaun Junior 3-dlm-1 Hong Leong	Penyusun But Kereta X 1	50

27. Semua deposit permulaan mestilah “Dana Baharu” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” ditakrif sebagai:

- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertain; dan
- (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam Akaun Sertain.

28. Yang berikut ini **TIDAK** dianggap sebagai “Dana Baharu”:

- (a) Deposit Tetap / Deposit Tetap-i yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun Deposit Tetap / Deposit Tetap-i (“FD/FD-i”) sedia ada;
- (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
- (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

29. Pemberian diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Kategori Pemberian bagi setiap Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Promosi A.

30. Pelanggan Layak bertanggungjawab mengambil pemberian daripada cawangan asal bank yang dikaitkan

dengan CASA Terpilih semasa tempoh 2 Ogos 2018 hingga 30 September 2018 jika gagal berbuat demikian, Pemberian itu akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani sebarang tuntutan daripada Pelanggan Layak setelah luputnya tarikh akhir yang diberi.

31. Sekiranya CASA Terpilih ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada atau sebelum 30 September 2018, maka Pelanggan Layak terlucut kelayakannya daripada menerima Pemberian itu.
32. Pelanggan akan diberitahu sebelum pembukaan CASA Terpilih tentang Tempoh Promosi A sekiranya mana-mana atau kesemua Pemberian itu habis stok.
33. Pemberian adalah diberi atas dasar “sebagaimana ada” dan Bank tidak akan bertanggungjawab sama sekali terhadap apa-apa Pemberian yang hilang, koyak, rosak atau kecurian dan sebarang permohonan untuk mendapatkan Pemberian gantian tidak akan dilayani oleh Bank.
34. Berkaitan dengan CASA Terpilih bersama, pemegang akaun yang pertama dinamakan iaitu pemegang akaun utama adalah layak menyertai Promosi A2 (“Pemegang Akaun Utama”). Bagi tujuan Promosi A2 ini, setiap CASA Terpilih yang dibuka semasa Tempoh A mempunyai hanya seorang (1) sahaja Pelanggan Layak.

PROMOSI KADAR RATA TETAP PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-I (“PROMOSI A3”)

KELAYAKAN

35. Promosi Kadar Rata Tetap Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i (“Promosi A3”) terbuka kepada seluruh individu warga Malaysia (“Pelanggan”) yang memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:-
 - a. Bekerja atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00) setahun;
 - b. Ketika ini tidak mempunyai Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB (“Produk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i”);
 - c. Memohon Pinjaman Peribadi HLB dengan amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus lima Puluh Ribu (RM250,000) atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan amaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) (Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB kedua-duanya secara kolektif disebut “Kemudahan”) semasa Tempoh Kempen menerusi Hong Leong Connect di www.hongleongconnect.my (“Hong Leong Connect”) untuk tempoh pinjaman/pembiayaan dua hingga lima (2-5) tahun (“Tempoh Kemudahan”).
 - d. Pembayaran oleh Bank bagi Kemudahan diluluskan tidak lewat daripada 17 September 2018.
36. Bagi tujuan Promosi A3 ini, Pelanggan yang telah memenuhi seluruh kriteria dalam Fasal 35 di atas akan dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”.
37. Yang berikut ini **TIDAK** layak menyertai Kempen:
 - a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - b. Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di dalam ini.
 - c. Kakitangan tetap dan kontrak Bank.

MEKANIK PROMOSI A3

38. Pelanggan Layak yang Kemudahannya diluluskan semasa Tempoh Kempen dan dibayar selewat-lewatnya 17 September 2018 akan dikenakan kadar faedah/keuntungan tetap, bergantung kepada tarikh permohonan, saluran dan Amaun Kemudahan, seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah ini:

Jadual 1: Contoh Kadar Faedah/Keuntungan Dikenakan

i.) Permohonan pada 2 Ogos 2018

Amaun Kemudahan (RM)	Kadar Faedah/Keuntungan (Rata % setahun)
RM5,000 – RM250,000	3.70% setahun

*Hanya untuk permohonan pada 2 Ogos 2018 dan memohon di cawanagn Burmah House

Jadual 2: Contoh Pengiraan Ansuran Bulanan

Jumlah Kemudahan Diluluskan (RM)*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun)	Jumlah Faedah/Keuntungan Dikenakan sepanjang Tempoh Kemudahan (RM)	Ansuran Bulanan (RM)**
(a)	(b)	(c)	(d)=a*b*c	(e)=(a+d)/(b*12)
15,000	2	3.70%	1,110	675
30,000	2	3.70%	2,220	1345
150,000	2	3.70%	11,100	6715

*0.5% daripada amaun Kemudahan akan ditolak daripada Kemudahan kerana duti setem yang dikenakan bagi Kemudahan itu. Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar antara 6.89% setahun hingga 14.85% setahun bagi tempoh pinjaman/pembiayaan 2-5 tahun.

**Ansuran akan dikenakan kepada RM5 terhampir.

39. Untuk mengelakkan dari kecurigaan, kadar faedah/keuntungan tetap **TIDAK** terpakai kepada Kemudahan PLC. Untuk Kemudahan PLC, kadar lembaga ialah kadar efektif setahun 2% kadar faedah efektif (EIR) penjimatan dengan kadar minima dari serendah 7.5% setahun.

PROMOSI PEMINDAHAN BAKI 0% BAGI TEMPOH 6 BULAN (“PROMOSI A4”)

KELAYAKAN

40. Promosi Pemindahan Baki 0% bagi Tempoh 6 Bulan (“Promosi A4”) terbuka kepada seluruh Pemegang Kad Utama Kad Kredit Hong Leong yang membuat permohonan Kad Kredit di Cawangan Burmah House pada 2 Ogos 2018 sahaja. (“Pemegang Kad Layak”)
41. Pemegang Kad Layak yang berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
- Pemegang Kad Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; atau
 - Pemegang Kad Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan seperti dinyatakan di dalam ini.

MEKANIK PROMOSI A4

42. Pemegang Kad yang Layak boleh memohon untuk memindahkan tunggakan baki yang dipegang oleh Pemegang Kad yang Layak dengan tidak lebih daripada tiga (3) institusi kewangan lain atau syarikat kad kredit (“Akaun-akaun Kad yang Lain”), atau kreditkan amaun yang dipohon ke akaun simpanan atau semasa Pemegang Kad yang Layak, ke akaun BT yang diluluskan dengan HLB (“Akaun BT”).
43. Amaun minimum ialah RM1,000.00 dan amaun maksimum akan di tentukan oleh HLB mengikut budi bicara mutlakanya.

44. Bank akan memberitahu Pemegang Kad Layak secara bertulis sama ada permohonan BT beliau telah diluluskan dan amaun BT yang diluluskan (“Amaun BT Diluluskan”). Apabila sahaja Amaun BT Diluluskan telah ditentukan, jumlah amaun bersamaan dalam had kad kredit Pemegang Kad Layak akan ditandakan bagi tujuan ini dan baki had kredit tersedia akan dikurangkan selaras dengannya, Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang transaksi yang ditolak oleh syarikat peniaga akibat ketiadaan had kredit berikutan ianya ditandakan untuk tujuan ini.
45. Apabila Amaun BT diluluskan telah dipindahkan ke Akaun BT Pemegang Kad Layak, kadar faedah 0% setahun akan dikenakan ke atas baki Amaun BT Diluluskan selama enam (6) bulan, tertakluk kepada tarikh kitara penyata (“Tempoh Pelan BT”) dan apabila luput Tempoh Pelan BT, maka faedah pada kadar semasa 18% setahun akan dikira secara harian dan dikenakan ke atas apa-apa baki dalam Akaun BT sehinggalah pembayaran penuh di jelaskan.
46. Pemegang Kad Layak diwajibkan membuat pembayaran minimum yang perlu dijelaskan untuk Akaun BT atau RM50.00, mengikut mana yang lebih tinggi. Jika Pemegang Kad Layak gagal membuat pembayaran pada atau sebelum tarikh pembayaran yang perlu the jelaskan, maka kadar faedah 0% setahun akan ditarik balik dan faedah pada kadar 18% setahun akan dikenakan ke atas amaun belum jelas dalam Akaun BT secara harian sehinggalah bayaran penuh telah dijelaskan. Kegagalan untuk menjelaskan pembayaran minimum juga akan menyebabkan fi bayaran lewat 1% daripada jumlah baki belum jelas akan dikenakan ke atas Akaun BT tersebut.
47. Bank mempunyai hak mutlak untuk menarik balik kadar faedah 0% setahun jika Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana terma dan syarat BT serta juga terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad (“Perjanjian Pemegang Kad”).
48. Biar apa pun yang terkandung dalam Fasal 45 dan 46 di atas, jika pada bila-bila masa, akaun kad kredit Pemegang Kad Layak dan / atau Akaun BT menjadi ingkar atau tertunggak, HLB boleh atas budi bicara mutlaknyanya mengenakan kadar faedah 18% setahun ke atas baki tertunggak dalam Akaun BT, walaupun ia masih dalam tertakluk kepada kadar faedah 0% setahun untuk tempoh 6 bulan.
49. Sementara menunggu kelulusan permohonan BT ini, Pemegang Kad yang Layak masih bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada Akaun(-akaun) Kad Kredit/Caj lain yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan sejajar dengan terma-terma yang mengawalseliana. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas faedah yang dikenakan untuk bayaran tunggakan atau mana-mana caj kewangan atau caj-caj lain yang dikenakan akibat kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad yang Layak dan/atau HLB dalam membuat pembayaran kepada Akaun (-akaun) Kad Kredit/Kad Caj yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan.
50. Sekiranya Pemegang Kad menyelesaikan Amaun BT sepenuhnya sebelum tempoh BT yang dipilih berakhir, satu caj penalti penyelesaian awal sebanyak RM70.00 akan dicajkan ke Akaun BT Pemegang Kad Layak.
51. Tertakluk kepada Fasal 44 di atas dan jumlah had kredit akaun kad kredit Pemegang Kad Layak, Pemegang Kad Layak boleh memohon BT kedua tertakluk kepada kelulusan Bank dan Terma & Syarat semasa dan kadar pindahan baki standard Bank.

PROMOSI 2 MINGGU (B)

Promosi 2 Minggu (“Promosi B”) bermula pada 2 Ogos 2018 dan berakhir pada 17 Ogos 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi B”), melainkan diberitahu sebaliknya.

CASA PERUNTUK (PROMOSI B1)

KELAYAKAN

52. Promosi B1 terbuka kepada pelanggan Bank warga Malaysia yang merupakan pelanggan individu yang baharu dan sedia ada, termasuk pelanggan Perbankan Prioriti dan Perbankan Persendirian Hong Leong (“Pelanggan”) dengan sekurang-kurangnya salah satu daripada Akaun Semasa dan / atau Akaun Simpanan berikut (“CASA Sertaan”):
- Akaun Simpanan Asas Hong Leong
 - Akaun Simpanan Hong Leong
 - Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - Akaun Semasa Hong Leong
 - Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
 - Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
 - Akaun Pay&Save Hong Leong
 - Akaun SmartLink Hong Leong
 - Akaun Top Yield Hong Leong
 - Akaun One Hong Leong
 - Akaun Deposit Tabung Duit Hong Leong

Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaan Akaun Semasa atau Simpanan yang dinyatakan dalam Fasal 52 di atas adalah layak dilindungi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”)

53. Promosi B1 **TIDAK** terbuka kepada Pemegang Akaun bukan warga Malaysia dan pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
54. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) (686191-W) atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau HLISB atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3)) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen **TIDAK** layak menyertai Kempen ini.

KAEDAH PROMOSI B1

55. Pelanggan mestilah:-
- mendeposit amaun seperti tertera dalam jadual di bawah (“Amaun Peruntuk Minimum”) ke dalam Akaun Sertaan semasa Tempoh Promosi; dan
 - mengekalkan Amaun Peruntuk Minimum selama empat (4) bulan berturut-turut (“Tempoh Peruntuk”) dari tarikh Amaun Peruntuk Minimum didepositkan ke dalam Akaun Sertaan, untuk melayakkan Pemegang Akaun menerima Pemberian berikut:

Kategori Pemberian	Pemberian	Amaun Peruntuk Minimum (RM) setiap set	Jumlah Peruntukan Pemberian (Unit)
1	Glasslock 3 biji Set Kanister Blok	5,888.00	5
2	Glasslock 3 biji Set Minum	8,888.00	5
3	Glasslock 2 biji Set Ketuhar	10,888.00	5
4	Glasslock 5 biji Set Bekas Makanan	16,888.00	5

56. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria seperti ditetapkan dalam Fasal 54 di atas hendaklah disebut “Pelanggan Layak”.
57. Semua deposit permulaan mestilah “Dana Baharu” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
- Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan; dan
 - Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam Akaun Sertaan.
58. Yang berikut ini **TIDAK** dianggap sebagai “Dana Baharu”:

- (d) Deposit Tetap / Deposit Tetap-i yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun Deposit Tetap / Deposit Tetap-i (“FD/FD-i”) sedia ada;
- (e) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
- (f) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

59. Pemberian diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Kategori Pemberian bagi setiap Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Promosi A tanpa mengira jumlah amaun deposit yang diletakkan dalam CASA Sertaan..
60. Pelanggan Layak bertanggungjawab mengambil pemberian daripada cawangan asal bank yang dikaitkan kepada CASA Sertaan sebelum 30 September 2018 jika gagal berbuat demikian, Pemberian itu akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani sebarang tuntutan daripada Pelanggan Layak setelah luputnya tarikh akhir yang diberi.
61. Sekiranya CASA Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada atau sebelum 30 September 2018, maka Pelanggan Layak terlucut kelayakannya daripada menerima Pemberian itu.
62. Pelanggan akan diberitahu sebelum Amaun Peruntuk Minimum semasa Tempoh Promosi B sekiranya mana-mana atau kesemua Pemberian itu habis stok menerusi pemberitahuan bertulis di cawangan.
63. Pemberian adalah diberi atas dasar “sebagaimana ada” dan Bank tidak akan bertanggungjawab sama sekali terhadap apa-apa Pemberian yang hilang, koyak, rosak atau kecurian dan sebarang permohonan untuk mendapatkan Pemberian gantian tidak akan dilayani oleh Bank.
64. Sekiranya Amaun Peruntuk Minimum dikeluarkan (sebahagian atau keseluruhan) semasa Tempoh Peruntuk atas apa jua sebab sekalipun, Bank secara mutlak berhak memotong Fi Penalti berikut daripada CASA Sertaan pada tarikh pengeluaran oleh Pelanggan Layak sebagai bayaran bagi Pemberian itu dan sebarang permintaan / tuntutan daripada Pelanggan Layak bagi mendapat bayaran ganti Fi Penalti tersebut tidak akan dilayani oleh Bank:

Kategori Pemberian	Pemberian	Amaun Peruntuk Minimum (RM) setiap set	Fi Penalti (RM) setiap set
1	Glasslock 3 biji Set Kanister Blok	5,888.00	75.00
2	Glasslock 3 biji Set Minum	8,888.00	100.00
3	Glasslock 2 biji Set Ketuhar	10,888.00	150.00
4	Glasslock 5 biji Set Bekas Makanan	16,888.00	180.00

AKAUN SEMASA DAN SIMPANAN-i (“CASA-i”) (PROMOSI B2)

65. Promosi B2 terbuka kepada seluruh pelanggan individu HLISB warga Malaysia yang merupakan pemegang akaun baharu dan sedia ada bagi CASA-i sertaan (“Pemegang Akaun”).
66. Bagi mengelakkan keraguan:-
 - a. “Pemegang Akaun Baharu” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka CASA-i semasa Tempoh Promosi;
 - b. “Pemegang Akaun Sedia Ada” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka CASA-i sebelum Tempoh Promosi.
67. Promosi B2 ini **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi bukan untung, empunya tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, termasuk Sendirian Berhad, syarikat tersenarai dan syarikat multinasional (MNC).
68. CASA-i Sertaan bagi Promosi ini adalah seperti berikut (“Akaun Sertaan”):
 - a. Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong;
 - b. Akaun Simpanan Asas-i Gaji Hong Leong;
 - c. Akaun Simpanan-i Hong Leong;
 - d. Akaun Simpanan-i Gaji Hong Leong;
 - e. Akaun Simpanan-i Berbilang Tingkat Hong Leong;

- f. Akaun Pay&Savei Hong Leong;
- g. Akaun Pay&Save-i Gaji Hong Leong;
- h. Akaun One Semasa-i Hong Leong

Akaun Sertaan adalah akaun deposit berasaskan prinsip Syariah Tawarruq dan layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

69. Pemegang Akaun yang telah memenuhi syarat Amaun Deposit seperti yang tertera di bawah dan diperuntuk selama tiga (3) bulan berturut-turut (“Peserta Layak”) berhak menerima Pemberian berikut, atas dasar siapa cepat dia dapat dan ketersediaan stok:-

Bil	Pemberian	Amaun Deposit	Kuantiti (Unit)
1.	Royal Selangor Pewter Money Tree (Bersadur Emas)	RM50,000	5
2.	Royal Selangor Pewter Money Tree	RM30,000	5

70. Bagi tujuan Promosi B2 ini, semua deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” adalah:-
- a. Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan
 - b. Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA-i.
71. Yang berikut ini tidak dianggap sebagai “Dana Baharu”:-
- a. Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLISB atau Hong Leong Bank (“HLB”) yang lain (sama ada akaun Simpanan, Semasa, Deposit Tetap/-i, atau Akaun Pelaburan Am; dan/atau
 - b. Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).
72. Pemberian diberi bergantung kepada pemenuhan syarat seperti yang ditakrif dalam Fasal 69, atas dasar siapa cepat dia dapat tertakluk kepada ketersediaan stok, dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Peserta Layak.
73. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
74. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia

DANA ASNB: DAPATKAN KETUHAR MIKROGELOMBANG (“PROMOSI B3”)

KELAYAKAN

75. Promosi B3 terbuka untuk penyertaan seluruh warga Malaysia yang layak melabur dalam Dana ASNB (Pelanggan).
76. Sekiranya apa-apa transaksi pelaburan terpilih yang disenaraikan di bawah ini (“Pelaburan Terpilih”) semasa Tempoh Promosi ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab sekalipun, Pelanggan TIDAKLAH berhak menerima Pemberian (sepertimana ditakrif dalam Fasal 78) yang ditawarkan dalam Promosi ini
77. Promosi ini sah untuk pelaburan dana harga berubah ASNB yang diurusniaga di Cawangan Burmah House
78. Bagi mengelakkan keraguan, golongan berikut TIDAK layak menyertai Promosi B3 ini:

- a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemufflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
- b. Pelanggan yang ditentukan oleh HLB dan/atau HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam ini; dan/atau
- c. Kakitangan tetap dan kontrak HLB dan/atau HLISB

KAEDAH PROMOSI B3

79. Pelanggan (“Pelanggan Layak”) yang telah memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam jadual di bawah ini apabila mereka melabur dalam Pelaburan Terpilih semasa Tempoh Promosi adalah layak menerima Pemberian berikut:-

Produk	Kriteria	Pemberian/Tawaran
Dana Harga Berubah ASNB	Minimum RM30,000	Ketuhar Mikrogelombang (RRP RM229)
		Pelaburan Terpilih 1. ASN 2. ASN Equity 2 3. ASN Equity 3 4. ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1 5. ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 2 6. ASN SARA (MIXED ASSET CONSERVATIVE) 1

80. HLISB akan menyampaikan Pemberian kepada Pelanggan Layak dalam masa enam puluh (60) hari selepas berakhirnya Tempoh Promosi.
81. Pemberian adalah bergantung kepada ketersediaan stok atas dasar siapa cepat dia dapat dan dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Pelanggan Layak semasa Tempoh Promosi.
82. HLISB sama sekali tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa Pemberian yang hilang, rosak, cacat atau kecurian. Permohonan untuk mendapatkan gantian bagi Pemberian yang hilang, rosak, cacat atau dicuri itu tidak akan dilayani HLISB
83. Pemberian tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.

PEMBIAYAAN-i ASB: DAPATKAN KETUHAR MIKROGELOMBANG (“PROMOSI B4”)

KELAYAKAN

84. Promosi B4 terbuka untuk penyertaan seluruh pelanggan Bumiputera warga Malaysia yang memenuhi kriteria berikut (“Pelanggan Layak”):
 - a. Mestilah pemohon individu berumur sekurang-kurangnya 18 tahun
 - b. Memohon Pembiayaan ASB-i sejumlah minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dan lebih secara terus di Cawangan Burmah House.
 - c. Pembayaran Kemudahan Pembiayaan berjumlah Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dan lebih sebelum 30 September 2018
85. Bagi mengelakkan keraguan, golongan berikut TIDAK layak menyertai Promosi B4 ini:
 - a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemufflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;

- b. Pelanggan yang ditentukan oleh HLB dan/atau HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam ini; dan/atau
- c. Kakitangan tetap dan kontrak HLB dan/atau HLISB
- d. Pelanggan bukan Bumiputera

KAEDAH PROMOSI B4

- 86. Pelanggan layak adalah berhak menerima Ketuhar Mikrogelombang Sharp bernilai Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Sembilan (RM229)
- 87. HLISB akan menyampaikan Pemberian kepada Pelanggan Layak dalam masa enam puluh (60) hari selepas berakhirnya Tempoh Promosi.
- 88. Pemberian adalah bergantung kepada ketersediaan stok atas dasar siapa cepat dia dapat dan dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Pelanggan Layak semasa Tempoh Promosi.
- 89. HLISB sama sekali tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa Pemberian yang hilang, rosak, cacat atau kecurian. Permohonan untuk mendapatkan gantian bagi Pemberian yang hilang, rosak, cacat atau dicuri itu tidak akan dilayani HLISB
- 90. Pemberian tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.

PROMOSI FD PREMIUM BIASA BANCASSURANCE (PROMOSI B5)

KELAYAKAN

- 91. **Promosi FD Premium Biasa Bancassurance (“Promosi B5”)** terbuka kepada seluruh pelanggan Bank yang baharu dan sedia ada termasuk pemastautin warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (**“Pelanggan”**) yang, semasa Tempoh Promosi B, memohon mana-mana Produk Premium Biasa Bancassurance sertaan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 94 dan membayar **Premium Perniagaan Baharu** dengan **Saiz Premium Tahunan** minimum bagi Produk Premium Biasa Bancassurance sertaan berkenaan (**“Pelanggan Layak”**).
- 92. Produk Premium Biasa Bancassurance sertaan bagi Promosi ini adalah **Hong Leong SMART Cash Insurance, Hong Leong SMART Value Insurance** dan **Prestige Life** (secara kolektif disebut **“Produk-produk”** dan secara individu disebut **“Produk”**) yang semuanya ditaja jamin oleh insurser, Hong Leong Assurance Berhad (**“HLA”**).
- 93. Bagi mengelakkan keraguan:-
 - “Premium Perniagaan Baharu”** bermaksud premium tahun pertama yang dibayar bagi membeli mana-mana Produknya;
 - “Saiz Premium Tahunan”** ialah jumlah amaun premium yang dibayar setiap tahun sejumlah minimum Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,000) bagi Hong Leong SMART Cash Insurance dan Prestige Life, dan Sepuluh Ribu (RM10,000) bagi Hong Leong SMART Value Insurance.
- 94. Pelanggan Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada HLB, bank-bank lain atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi A **TIDAK** layak menyertai Promosi B5.

KAEDAH PROMOSI

95. Pelanggan Layak yang meletakkan deposit FD dalam akaun FD mereka yang sedia ada atau akaun FD baharu dengan Bank dengan amaun yang ditetapkan bagi Produk-produk berkenaan semasa Tempoh Promosi A adalah berhak menikmati Faedah FD Promosi seperti yang ditetapkan di bawah (**“Pelanggan Layak Berkelayakan”**) :

Produk	Saiz Premium Tahunan	Amaun Peletakan Deposit Tetap (“FD”)*	Faedah FD Promosi
<u>Kumpulan A</u> <ul style="list-style-type: none"> Hong Leong SMART Value 	Minima RM10,000	Asas 1 kepada 1 setakat maksimum RM24,000	3 Bulan (“Tempoh FD”) Faedah FD pada kadar efektif 7.00% setahun Dihadkan kepada 100 pertama Pelanggan Layak Berkelayakan sahaja (setiap pelanggan)
<u>Kumpulan B</u> <ul style="list-style-type: none"> Hong Leong SMART Cash Prestige Life 	Minima RM6,000		

Perhatian: Deposit Tetap dan insurans adalah layak dilindungi oleh PIDM.

96. Bagi mengelakkan keraguan, pemberian Faedah FD Promosi ini adalah atas dasar siapa cepat dia dapat sahaja dan dihadkan kepada satu ratus (100) pertama Pelanggan Layak Berkelayakan.
97. Pelanggan Layak hanya boleh membuat peletakan FD selepas pihak insurer, iaitu HLA, memberi kelulusan bagi Produk-produk yang dimohon dan setelah luputnya tempoh bertenang lima belas (15) hari kalendar sebaik sahaja polisi berjalan kuat kuasa. Surat pemberitahuan akan dihantar oleh Bank kepada kakitangan jualan HLB dan juga HLA yang seterusnya akan memberitahu Pelanggan Layak. Pelanggan Layak dikehendaki menyerahkan surat Pemberitahuan itu kepada mana-mana cawangan HLB sebagai bukti kelayakan untuk menikmati faedah FD Promosi untuk seterusnya bertindak membuat peletakan FD, jika gagal berbuat demikian, Pelanggan Layak dianggap tidak berkelayakan menyertai Promosi ini dan pada dasarnya Pelanggan Layak berkewajipan mendapatkan surat Pemberitahuan tersebut daripada HLA / untuk memaklumkan kepada Bank sekiranya Pelanggan Layak tidak menerima surat Pemberitahuan tersebut daripada HLA, dan Bank tidaklah bertanggungjawab jika Pelanggan tidak menerima surat Pemberitahuan itu atas apa jua sebab sekalipun.
98. Bagi mengelakkan keraguan, Bank adalah tertakluk kepada surat pemberitahuan dalam memastikan kelayakan Pelanggan Layak untuk membuat peletakan FD mereka masing-masing dengan Bank.
99. Setiap Pelanggan Layak Berkelayakan hanya berhak menikmati Faedah FD Promosi untuk satu (1) kali sahaja (sama ada dalam akaun FD individu di bawah nama Pelanggan Layak Berkelayakan sahaja atau akaun FD bersama apabila Pelanggan Layak Berkelayakan adalah Pemegang Akaun FD Utama) tidak kira bilangan Produk yang dilangani sepanjang Tempoh Kempen. Bagi akaun FD bersama, hanya akaun FD bersama apabila Pelanggan Layak (seperti dinyatakan dalam surat Pemberitahuan) merupakan Pemegang Akaun Utama, adalah berhak menikmati Faedah FD Promosi.
100. Sekiranya Produk itu dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa dalam Tempoh FD berkenaan, Pelanggan Layak tidak akan berhak menikmati Faedah FD Promosi. Dalam keadaan demikian, kadar faedah semasa FD konvensional bagi Tempoh FD itu hendaklah dikenakan dari tarikh peletakan FD itu.
101. Faedah FD Promosi di bawah Promosi B5 ini akan dikreditkan ke dalam akaun semasa atau simpanan (“CASA”) namaan Pelanggan Layak Berkelayakan (“CASA”) pada tarikh matang Tempoh FD itu. Tokokan faedah kepada peletakan FD permulaan tidak dibenarkan.
102. Pada tarikh matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah semasa FD konvensional. Pengeluaran sebahagian FD semasa dalam Tempoh FD tidak dibenarkan.
103. Pengeluaran FD hanya boleh dibuat di cawangan asal bank iaitu cawangan tempat peletakan itu dibuat.
104. Sekiranya FD ditarik keluar sebelum tarikh matang Tempoh FD berkenaan, maka faedah atas mana-mana FD yang dikeluarkan itu tidak akan dibayar.

105. Sekiranya didapati kemudiannya Pelanggan Layak Berkelayakan tidak memenuhi mana-mana atau kesemua Terma & Syarat di bawah Promosi ini, maka Bank berhak menolak balik dan memotong Faedah FD Promosi tambahan yang dikreditkan sebelum ini daripada CASA namaan Pelanggan Layak Berkelayakan. Pelanggan Layak Berkelayakan akan diberitahu oleh Bank melalui surat sebelum dibuat sebarang tolak balik dan potongan Faedah FD Promosi daripada CASA namaan Pelanggan Layak Berkelayakan.
106. Promosi B5 ini TIDAK sah bersama mana-mana promosi lain yang sedang berlangsung dan ditawarkan oleh Bank bagi Produk-produknya dari semasa ke semasa.
107. Sepuluh (“**10**”) pertama Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria tersebut di atas akan berhak menerima satu (1) (“**Pemberian**”) menurut kaedah di bawah ini sepanjang Tempoh Promosi B:-

Produk	Saiz Premium Tahunan	Had Ketersediaan (Unit)
<u>Kumpulan A</u>	Minima RM10,000	10
<ul style="list-style-type: none"> Hong Leong SMART Value 		Pen Swarovski
<u>Kumpulan B</u>	Minima RM6,000	(atas dasar siapa cepat dia dapat)
<ul style="list-style-type: none"> Hong Leong SMART Cash Prestige Life 		

108. Bagi mengelakkan keraguan, Faedah FD Promosi ini hanya sah atas dasar siapa cepat dia dapat dan dihadkan kepada sepuluh (10) pertama Pelanggan Layak Berkelayakan. Kakitangan Cawangan HLBB akan memberitahu Pelanggan Layak untuk mengambil Pemberian.
109. Pelanggan Layak bertanggungjawab memberitahu HLBB melalui surat tidak lewat daripada **15 September 2018** jika tidak menerima Pemberian.
110. HLBB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kecurian, kehilangan atau Pemberian yang tidak dituntut selepas **15 September 2018**.
111. Pemberian tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak lain dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kedit atau manfaat barangan.
112. Polisi insurans Pelanggan Layak mestilah berjalan kuat kuasa dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma & Syarat Kempen pada masa menerima Pemberian.

PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: KADAR RATA TETAP PINJAMAN SERENDAH DARIPADA 3.70% SETAHUN (“PROMOSI B6”)

KELAYAKAN

113. Promosi Kadar Rata Tetap Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i (“Promosi B6”) terbuka kepada seluruh individu warga Malaysia (“Pelanggan”) yang memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:-
- Bekerja atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00) setahun;
 - Ketika ini tidak mempunyai Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB (“Produk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i”);
 - Memohon Pinjaman Peribadi HLB dengan amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus lima Puluh Ribu (RM250,000) atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan amaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) (Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB kedua-duanya secara kolektif disebut “Kemudahan”) semasa Tempoh Kempen menerusi Hong Leong Connect di www.hongleongconnect.my (“Hong Leong Connect”) untuk tempoh pinjaman/pembiayaan dua hingga lima (2-5) tahun (“Tempoh Kemudahan”).

- d. Pembayaran oleh Bank bagi Kemudahan diluluskan tidak lewat daripada 17 September 2018.
114. Bagi tujuan Promosi B6 ini, Pelanggan yang telah memenuhi seluruh kriteria dalam Fasal 112 di atas akan dirujuk sebagai "Pelanggan Layak".
115. Yang berikut ini **TIDAK** layak menyertai Kempen:
- Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di dalam ini.
 - Kakitangan tetap dan kontrak Bank.

MEKANIK PROMOSI B6

116. Pelanggan Layak yang Kemudahannya diluluskan semasa Tempoh Kempen dan dibayar selewat-lewatnya 17 September 2018 akan dikenakan kadar faedah/keuntungan tetap, bergantung kepada tarikh permohonan, saluran dan Amaun Kemudahan, seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah ini:

**Jadual 1: Contoh Kadar Faedah/Keuntungan Dikenakan
Permohonan pada 3 Ogos - 17 Ogos 2018**

Amaun Kemudahan (RM)	Kadar Faedah/Keuntungan (Rata % setahun)
RM5,000 – RM29,000	7.70% setahun
RM30,000 – RM99,000	5.70% setahun
RM100,000 – RM250,000	3.70% setahun

**Jadual 2: Contoh Pengiraan Ansuran Bulanan
Permohonan pada 3 Ogos – 17 Ogos 2018 melalui semua saluran permohonan**

Jumlah Kemudahan Diluluskan (RM)*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun)	Jumlah Faedah/Keuntungan Dikenakan sepanjang Tempoh Kemudahan (RM)	Ansuran Bulanan (RM)**
(a)	(b)	(c)	(d)=a*b*c	(e)=(a+d)/(b*12)
15,000	2	7.70%	2,310	725.00
30,000	2	5.70%	3,420	1,395.00
150,000	2	3.70%	11,100	6,715.00

*0.5% daripada amaun Kemudahan akan ditolak daripada Kemudahan kerana duti setem yang dikenakan bagi Kemudahan itu. Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar antara 6.89% setahun hingga 14.85% setahun bagi tempoh pinjaman/pembiayaan 2-5 tahun.

**Ansuran akan dikenakan kepada RM5 terhampir.

117. Untuk mengelakkan dari kecurigaan, kadar faedah/keuntungan tetap **TIDAK** terpakai kepada Kemudahan PLC. Untuk Kemudahan PLC, kadar lembaga ialah kadar efektif setahun 2% kadar faedah efektif (EIR) penjaminan dengan kadar minima dari serendah 7.5% setahun.

PEMBIAYAAN AUTO-i: KAD HADIAH PETRONAS BERNILAI RM30 ("PROMOSI B7")

KELAYAKAN

118. Promosi B7 ini terbuka kepada kedua-dua individu baharu dan sedia ada yang permohonan Pembiayaan Auto Hong Leong (HLAF) mereka (“Pelanggan HLAF”) dengan amaun kemudahan minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) adalah:
- diterima oleh Cawangan Penyertaan, iaitu **Cawangan Burmah House** dalam Tempoh Promosi B: 2 Ogos 2018 hingga 17 Ogos 2018 (termasuk kedua-dua tarikh) dan;
 - HLAF dikeluarkan selewat-lewatnya 31 Ogos 2018 (tarikh akhir) (selepas ini dirujuk sebagai (“Pelanggan HLAF Layak”))
119. Bagi mengelakkan keraguan, golongan berikut ini TIDAK layak menyertai Promosi B7 ini:
- Kakitangan tetap dan kontrak Kumpulan Hong Leong (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitannya);
 - Kakitangan Bank, rakan kongsi perniagaan Bank, wakil atau ejen (termasuk juruaduit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan promosi) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik);
 - Pelanggan HLAF Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi A; atau
 - Pelanggan HLAF Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang disyaratkan di dalam ini; akan serta-merta terlucah kelayakannya daripada menyertai Promosi B7.

KAEDAH PROMOSI B7

120. Sepuluh (10) unit Kad Hadiah Petronas (“**Pemberian Promosi**”) bernilai RM30 setiap satu, akan diberikan untuk tujuan Promosi B7 ini.
121. Peruntukan Pemberian Promosi dihadkan kepada 10 Pelanggan HLAF Layak yang pertama atas dasar siapa cepat dia dapat, berdasarkan tarikh HLAF dikeluarkan.
122. Pemenuhan syarat akan dilaksanakan sebelum berakhirnya enam puluh (60) hari dari tarikh HLAF dibayar; dan Pemberian Promosi akan dihantar kepada Cawangan serta tempat Pelanggan HLAF Layak memohon bagi Promosi B7.
123. Pemberian Promosi tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, cek atau manfaat barangan.
124. Pelanggan HLAF wajib memberi segala dokumen dan maklumat berkenaan kepada Bank dan / atau memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Bank (jika ada) ketika mengemukakan permohonan HLAF, untuk membolehkan Bank meluluskan HLAF tepat pada masanya. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kelewatan tarikh HLAF dibayar atas apa jua sebab sekalipun.

PEMBIAYAAN HARTANAH/-i: DAPATKAN PEMBANCUH KOPI PANASONIC (PROMOSI B8)

KELAYAKAN

125. Promosi Pembiayaan Hartanah/-i terbuka kepada pemegang akaun HLB/HLISB pembiayaan hartanah individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia, baharu dan juga sedia ada (“Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i”) yang memohon kemudahan baharu di bawah Pembiayaan Hartanah/-i Hong Leong CM Flexsi (Pembiayaan Rumah / Kedai) (“Kemudahan Sertaan”) dengan amaun kemudahan minimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) atau lebih semasa Tempoh Promosi B : 2 Ogos 2018 hingga 17 Ogos 2018 (termasuk kedua-dua tarikh) dan menerima Kemudahan Sertaan tersebut dengan menandatangani Surat Tawaran pada atau sebelum 31 Ogos 2018 (“Tarikh Penerimaan Akhir”) . Kemudiannya, pengeluaran pembiayaan pertama mana-mana bahagian kemudahan tersebut berlaku pada atau sebelum 28 Februari 2019 (“Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak”)
126. Kemudahan Sertaan terpakai untuk pembiayaan serta juga untuk tujuan pembiayaan semula (hartanah kediaman dan bukan kediaman sama ada siap dan/atau sedang dibina).

127. Bagi mengelakkan keraguan, golongan berikut ini TIDAK layak menyertai Promosi B8 ini:
- Kakitangan tetap dan kontrak Kumpulan Hong Leong (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitannya); dan/atau
 - Kakitangan Bank, rakan kongsi perniagaan Bank, wakil atau ejen (termasuk juruaduit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan promosi) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
 - Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuffisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi B.
128. Pada dasarnya Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i wajib menyediakan / membekalkan segala dokumen berkenaan yang dikehendaki Bank untuk membolehkan Bank meluluskan Kemudahan Sertaan. Bank tidak bertanggungjawab sekiranya Kemudahan Sertaan ditolak atau Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i tidak dapat menerima Surat Tawaran berkenaan pada atau sebelum 31 Ogos 2018 atas apa jua sebab sekalipun (termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen tidak mencukupi untuk kelulusan Kemudahan Sertaan itu)

KAEDAH PROMOSI B8

129. Sepuluh (10) Pelanggan pertama yang dapat memenuhi kriteria Kelayakan tersebut di atas semasa Tempoh Promosi B ("**Pelanggan Layak**") akan menerima sebuah Pembancuh Kopi Panasonic ("**Pemberian Promosi**").
130. Pemenuhan syarat akan dilaksanakan dalam masa sembilan puluh hari (90) dari tarikh pengeluaran pembiayaan pertama, dan Pemberian Promosi akan dihantar kepada Cawangan Bank tempat Pelanggan Layak memohon.
131. Pelanggan HLPF berkewajipan memberi segala dokumen dan maklumat berkenaan kepada Bank dan/atau memenuhi keperluan seperti yang ditetapkan oleh Bank (jika ada) ketika mengemukakan permohonan HLAFF untuk membolehkan Bank meluluskan HLPF tepat pada masanya. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kelewatan tarikh pembiayaan atas apa jua sebab sekalipun.

PROMOSI AKAUN SEMASA BIZONE (PROMOSI B9)

KELAYAKAN

132. Promosi B9 terbuka kepada pelanggan Bank bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat ("**Pelanggan**").
133. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("**HLISB**") (686191-W) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau HLISB atau institusi kewangan yang lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3) atau bakal dikenakan prosiding kemuffisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi B dengan deposit permulaan minimum RM10,000.00. **TIDAK** layak menyertai Promosi B9.

KAEDAH PROMOSI B9

134. Pelanggan mestilah membuka Akaun Semasa BizOne baharu semasa Tempoh Promosi B dengan deposit permulaan minimum RM10,000.00.
135. Pelanggan memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam Fasal 134 akan disebut "**Pelanggan Layak**".
136. Pelanggan Layak akan menerima pemberian berikut:

Jenis Akaun	Pemberian	Bilangan Maksimum Pemberian dibahagikan
Akaun Semasa BizOne	Rak Ikea Kallax X 1	50

137. Semua deposit permulaan mestilah "Dana Baharu" sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, "Dana Baharu" ditakrif sebagai:
 - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi B yang didepositkan semula ke dalam mana-mana Akaun Sertaan.
138. Yang berikut ini **TIDAK** dianggap sebagai "Dana Baharu":-
 - a. Deposit Tetap / Deposit Tetap-i yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun Deposit Tetap / Deposit Tetap-i ("FD/FD-i");
 - b. Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W)("HLISB") yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
 - c. Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).
139. Pemberian diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Kategori Pemberian bagi setiap Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Promosi B
140. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk mengambil Pemberian daripada cawangan asal bank yang dikaitkan dengan Akaun Semasa BizOne baharu semasa tempoh 2 Ogos 2018 hingga 30 September 2018 jika gagal berbuat demikian, Pemberian akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani sebarang tuntutan daripada Pelanggan Layak setelah luputnya tarikh akhir tersebut.
141. Sekiranya Akaun Semasa BizOne ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada atau sebelum 30 September 2018, Pelanggan Layak akan terlucut kelayakan daripada menerima Pemberian itu.
142. Pelanggan akan diberitahu di cawangan asal bank sebelum Akaun Semasa BizOne dibuka dalam Tempoh Kempen sekiranya Pemberian itu habis stok.
143. Pemberian diberi atas dasar "sebagaimana ada" dan Bank tidak akan bertanggungjawab sama sekali terhadap apa-apa Pemberian yang hilang, koyak, rosak atau kecurian dan sebarang permohonan untuk mendapatkan Pemberian gantian tidak akan dilayani oleh Bank.

AKAUN SEMASA POWERSME ("PROMOSI B10.1 dan B10.2")

KELAYAKAN

144. Promosi B10.1 dan B10.2 ini terbuka kepada pelanggan baharu Akaun Semasa HLB PowerSME ("Pelanggan") di Cawangan Burmah House sahaja ("Pelanggan Layak")

KAEDAH PROMOSI B10

PEMBUKAAN AKAUN SEMASA POWER SME BAHARU (Promosi B10.1)

145. Tiga puluh (30) permohonan pertama bagi Akaun Semasa PowerSME baharu ("Permohonan") dengan deposit permulaan minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu** (RM10,000) ("Deposit Permulaan") dan lebih dalam Tempoh Kempen dan Permohonannya diluluskan oleh HLB dalam Tempoh Kempen adalah berhak menerima satu (1) unit Cakera Keras Luaran Toshiba ("Pemberian A");
146. Untuk mengelakkan keraguan, deposit permulaan untuk Promosi B10.1 merujuk kepada deposit yg dimasukkan ke dalam akaun pada hari yang sama dengan hari pembukaan akaun PowerSME di Cawangan Burmah House.
147. Untuk tujuan Promosi B10.1 ini, semua deposit (termasuk Deposit Permulaan) mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, "Dana Baharu" ditakrif sebagai Wang tunai, GIRO antara bank, pindahan segera, FPX, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang dimasukkan ke dalam akaun Power SME Pelanggan Layak. Yang berikut ini **TIDAK** dianggap sebagai "Dana Baharu":-

- a. Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191- W)(“HLISB”) yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
- b. Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).

DAFTARAN BAHARU BAGI MODEL e-BAYARAN HONG LEONG CONNECTFIRST (Promosi B10.2)

148. Daftar diri untuk modul e-Bayaran Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong ConnectFirst (“HL ConnectFirst”) dalam Tempoh Promosi B dan lakukan minimum lima (5) transaksi e-bayaran yang berjaya melalui HL ConnectFirst sebelum 31 Oktober 2018 (“Tempoh Kelayakan”) adalah berhak menerima:-
 - a. Satu (1) unit Bank Kuasa HL ConnectFirst (“Pemberian B”); dan
 - b. Pengecualian fi langganan HL ConnectFirst bulanan (“Pengecualian Fi Langganan”) dari bulan Pelanggan Layak berjaya mendaftar diri untuk modul e-Bayaran HL ConnectFirst setakat 31 Oktober 2018 dan pengecualian caj (“Pengecualian Caj”) bagi dua (2) token keselamatan bernilai RM50 (“Pemberian Tambahan”).
149. Setiap Pelanggan Layak berhak menerima hanya satu (1) Pemberian A, satu (1) Pemberian B dan satu (1) Lagi Pemberian (secara kolektif disebut “Pemberian”) di bawah Promosi B2 tanpa mengira bilangan Akaun Semasa PowerSME/BizOne baharu yang dibuka oleh Pelanggan Layak semasa Tempoh Promosi B.
150. Bagi mengelakkan keraguan:
 - a. Pelanggan Layak mestilah mengemukakan borang permohonan HL ConnectFirst yang telah diisi berserta segala dokumen sokongan yang dikehendaki HLB (secara kolektif disebut “Dokumen Dikehendaki”) di Cawangan Burma House HLB sahaja sepanjang Tempoh Promosi B.
 - b. Pelanggan Layak yang mengemukakan borang permohonan HL ConnectFirst yang tidak lengkap dan/atau gagal mengemukakan segala Dokumen Dikehendaki dalam Tempoh Promosi B tetapi kemudiannya mengemukakan borang permohonan HL ConnectFirst yang telah lengkap diisi dan/atau Dokumen Dikehendaki selepas Tempoh Promosi B **tidak** layak menyertai Promosi B10.1 dan B10.2.
151. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan, kelewatan atau kerosakan borang permohonan HL ConnectFirst dan/atau Dokumen Dikehendaki semasa penyampaian/penghantaran kepada HLB. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa bukti penghantaran permohonan HL ConnectFirst dan/atau Dokumen Dikehendaki melalui pos atau khidmat kurier kepada HLB tidak akan dianggap sebagai bukti penghantaran dan/atau penerimaannya oleh HLB.
152. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap dan tidak mempunyai apa jua kawalan ke atas kesesakan lalu lintas rangkaian, kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang mungkin dialami penyedia perkhidmatan telekomunikasi (“Telco”) berkenaan dalam kelewatan sebarang transaksi e-bayaran IBG dan/atau RENTAS melalui HL ConnectFirst dihantar semasa Tempoh Kelayakan, menyebabkan Pelanggan Layak tidak berhak mendapat Pemberian, Pengecualian Fi Langganan dan/atau Pengecualian Caj.

PINJAMAN TUNAI BIZ (“PROMOSI B11”)

KELAYAKAN

153. Promosi B11 terbuka kepada semua Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia yang baharu dan sedia ada (“SME”) sama ada Keempunyaan Tunggal, Perkongsian dan syarikat Sendirian Berhad (iaitu syarikat yang ada “Sdn Bhd” pada namanya) dengan perolehan jualan tahunan sehingga Ringgit Malaysia Lima Puluh Juta (RM 50,000,000) yang telah memohon dan menerima Pinjaman Tunai Perniagaan daripada Perusahaan Kecil & Sederhana Kumpulan Bank (“GSME”) dalam Tempoh Promosi. Pelanggan individu Bank tidak layak menyertai Promosi ini
154. Pelanggan GSME perlu memenuhi kesemua kriteria berikut untuk melayakkan diri menyertai Promosi ini:-
 - a) memohon Pinjaman Tunai Perniagaan Hong Leong (kemudian daripada ini disebut “HLBCL”) yang ditawarkan oleh GSME Bank
 - b) HLBCL diluluskan dengan amaun minimum RM100,000.00 atau lebih; dan
 - c) penerimaan HLBCL oleh Pelanggan GSME Layak tidak lewat daripada 31 Ogos 2018 dengan menyetujui terima surat tawaran berkenaan.

Bagi tujuan Promosi ini, Pelanggan GSME yang telah memenuhi semua kriteria dalam fasal di atas ini akan disebut “Pelanggan GSME Layak”.

155. Golongan berikut ini TIDAK layak menyertai Promosi:-
- Pelanggan GSME Layak yang merupakan kakitangan tetap atau kontrak Bank, kakitangan mana-mana rakan kongsi, wakil atau ejen (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan promosi) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik) yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengelolaan promosi TIDAK layak menyertai Promosi B11.
 - Pelanggan GSME layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufli atau tak solven (menurut petisyen oleh sama ada bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan atau prosiding ketaksolvenan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi B tidak layak menyertai Promosi B11 dan/atau TIDAK berhak menikmati Kadar Khas (ditakrif di bawah).
156. Bagi mengelakkan keraguan:-
- pelanggan SME baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai apa-apa kemudahan pinjaman dengan Bank sebelum Tempoh Promosi B.
 - pelanggan SME sedia ada bermaksud pelanggan yang sedia ada atau pernah ada kemudahan pinjaman dengan Bank.

KAEDAH PROMOSI B11

157. Tertakluk kepada pemenuhan kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 156 di atas, Pelanggan GSME Layak berhak menikmati julat Kadar Khas bergantung kepada amaun HLBCL yang diterima oleh Pelanggan GSME Layak (“Amaun Pinjaman Terimaan”).

Amaun Pinjaman Terimaan	Julat Kadar Biasa	Julat Kadar Khas
Melebihi atau Setara dengan RM100,000	Kadar Pinjaman Asas + 5.0% ke atas	Kadar Pinjaman Asas + 4.50% ke atas

158. Pelanggan GSME Layak berkewajipan memberi segala dokumen dan maklumat berkenaan kepada Bank dan/atau memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Bank (jika ada) semasa mengemukakan permohonan HLBCL, untuk membolehkan Bank meluluskan HLBCL tepat pada masanya. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kelewatan tarikh HLBCL dibayar atas apa jua sebab sekalipun.

PEMBIAYAAN GADAI JANJII / HARTANAH-i GSME (PROMOSI B12)

KELAYAKAN

159. Promosi B12 ini terbuka kepada **pemohon bukan individu baharu dan sedia ada (termasuk keempunyaan tunggal, perkongsian, dan syarikat sendirian berhad (iaitu syarikat yang ada “Sdn Bhd” pada namanya)** yang memohon kepada Bank apa-apa kemudahan pembiayaan Konvensional dan/atau pembiayaan Islam sertaan terpilih seperti yang ditetapkan di bawah ini (“Kemudahan Sertaan”) dengan amaun kemudahan minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) bagi membiayai pembelian sebuah Hartanah Kediaman atau amaun kemudahan minimum Ringgit Malaysia Empat Ratus Ribu (RM400,000) bagi membiayai pembelian Hartanah Bukan Kediaman semasa Tempoh Promosi:-
- Pembiayaan Perumahan/.Kedai Perniagaan Cawangan Hong Leong; dan
 - Pembiayaan Hartanah-i Fleksi CM Hong Leong (Pembiayaan Perumahan/Kedai) (“Pelanggan Layak”).
160. Promosi ini terbuka kepada Kemudahan Sertaan bagi tujuan membiayai semula dan juga membiayai pembelian hartanah kediaman dan bukan kediaman yang siap dan/atau sedang dibina.
161. Bagi mengelakkan keraguan, golongan berikut ini TIDAK layak menyertai Promosi ini:

- Pelanggan Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuffisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi; atau
- Pelanggan Layak yang telah melakukan atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang ditetapkan di dalam ini; akan serta-merta terlucaut kelayakan daripada menyertai Promosi.

PAKEJ HARGA PROMOSI B12

162. Pelanggan Layak dikehendaki menerima Kemudahan Sertaan yang menawarkan Kadar Bertingkat 2 Tahun Pertama yang ditetapkan oleh Bank dengan menerima Surat Tawaran **pada atau sebelum 14 Sept 2018** ("Tarikh Terimaan") supaya berhak menikmati "**Pakej Harga Promosi**" bagi Promosi ini:-

- a. Kemudahan Sertaan: Pembiayaan Perumahan/Kedai Perniagaan Cawangan Hong Leong atau Pembiayaan Hartanah Fleksi-i CM (Pembiayaan Perumahan/Kedai):

Jenis Hartanah	Hartanah Kediaman/Bukan Kediaman
Hartanah Siap dan Sedang Dibina	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2 Tahun Pertama: BLR/IFR – 2.64% = 4.40% ▪ Selepas itu: BLR/IFR – 2.39% = 4.65%

163. Promosi ini hanya terbuka kepada Kemudahan Sertaan yang dimohon dan dikemukakan kepada Cawangan Burmah House Hong Leong.
164. Kadar Asas Bank ("BR") / Kadar Asas Islam ("IBR") dan Kadar Pinjaman Asas ("BLR") / Kadar Pembiayaan Islam ("IFR") berkuat kuasa masing-masing dari 30 Jan 2018 ialah 4.03% dan 7.04%.
165. Kadar Bertingkat 2 Tahun Pertama akan bermula dari tarikh penggunaan pertama Kemudahan Sertaan atau dari luputnya tempoh tiga (3) bulan dari tarikh keluaran Surat Tawaran, mengikut mana yang dahulu.
166. Pelanggan Layak akan menikmati Pakej Harga Promosi tertakluk kepada tempoh kunci/pegang selama 3 tahun, yang akan bermula dari tarikh penggunaan pertama Kemudahan Sertaan. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya Pelanggan Layak menentukan / menamatkan Kemudahan Sertaan sebelum matang tempoh kunci/pegang 3 tahun, maka peruntukan fasal penebusan awal dalam Surat Tawaran akan diguna pakai.
167. Pelanggan Layak berkewajipan memberi segala dokumen dan maklumat berkenaan kepada Bank dan/atau memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Bank (jika ada) ketika mengemukakan permohonan Kemudahan Sertaan untuk membolehkan Bank meluluskan Kemudahan Sertaan tepat pada masanya. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kelewatan dalam pengeluaran Surat Tawaran selepas Tarikh Terimaan atas apa jua sebab sekalipun.

PROMOSI 8.88% POWERLINK PENGURUSAN KEKAYAAN (PROMOSI B13)

KELAYAKAN

168. **Promosi 8.88% Powerlink Pengurusan Kekayaan ("Promosi B13")** terbuka untuk penyertaan oleh seluruh Pelanggan HLB individu ("**Pelanggan HLB**") yang merupakan permastautin warga Malaysia dan bukan warga Malaysia terdiri daripada kategori berikut ("**Kategori Pelanggan**"):-
- a. Pelanggan Perbankan Persendirian ("**PV**") sedia ada dan / atau baharu;
 - b. Pelanggan Perbankan Prioriti ("**PB**") sedia ada dan / atau baharu; dan
 - c. Pelanggan HLB sedia ada dan/atgau baharu yang bukan Pelanggan PB/PV ("**Bukan PV/PB**"), melainkan diberitahu sebaliknya.

169. Dalam konteks ini Pelanggan PV bermaksud Pelanggan HLB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Persendirian HLB ("**Keahlian PV**"). Keahlian PV bermaksud gabungan Aset Cair dan/atau Pelaburan (seperti ditakrif menurut Fasal 172 di bawah) berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000.00) atau apa-apa amaun lain yang ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa ("**Kriteria Kelayakan PV**"). Pelanggan PV Baharu bermaksud Pelanggan HLB yang telah menyertai Keahlian PV semasa Tempoh Promosi.
170. Dalam konteks ini Pelanggan PB bermaksud Pelanggan HLB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Prioriti HLB ("**Keahlian PB**"). Keahlian PB bermaksud gabungan Aset Cair dan/atau Pelaburan (seperti ditakrif menurut Fasal 172 di bawah) berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000.00) atau apa-apa amaun lain yang ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa ("**Kriteria Kelayakan PB**"). Pelanggan PB Baharu bermaksud Pelanggan HLB yang telah menyertai Keahlian PB semasa Tempoh Promosi.
171. Bagi tujuan di dalam ini, istilah "Aset Cair" adalah bermakna segala jumlah yang ada dalam kredit mana-mana Akaun Deposit Tetap ("FD"), Akaun Semasa & Akaun Simpanan ("CASA") dan/atau Akaun Mata Wang Asing dengan HLB manakala istilah "Pelaburan" bermakna amaun pelaburan pokok dalam mana-mana Dana Unit Amanah ("UT"), Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung ("FRNID"), Bon Runcit, Pelaburan Berkaitan Ekuiti ("ELI") dan / atau Pelaburan Dwimata Wang ("DCI") dengan HLB pada mana-mana satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus dan Pinjaman Fleksi Super Easi 123 dikecualikan daripada sebahagian Aset Cair untuk mencukupkan kriteria kelayakan PB/PB
172. Apabila terdapat lebih daripada satu (1) pemohon Keahlian PV/PB, maka akaun bersama mestilah dibuka. Pemegang akaun bersama yang namanya mula-mula tertera dalam rekod HLB adalah pemegang akaun utama ("Pemegang Akaun Utama") manakala pemegang akaun bersama yang seorang lagi adalah pemegang akaun kedua ("Pemegang Akaun Kedua")

MEKANIK PROMOSI B13

173. Untuk menyertai **Promosi B13, Pelanggan HLB** dikehendaki semasa Tempoh Kempen untuk melaksanakan dan memenuhi syarat/kriteria berikut seperti yang dipaparkan dalam jadual 1 di bawah supaya layak menikmati Kadar FD Promosi:
- melabur amaun pelaburan minimum dalam mana-mana UT atau FRNID yang terpilih (seperti tersenarai dalam Lampiran 1 yang disertakan bersama ini) (secara kolektif disebut sebagai "**Pelaburan Terpilih**"); dan
 - meletak FD ke dalam akaun FD yang baharu dibuka atau sedia ada untuk tempoh maksimum 2 bulan ("Tempoh") dengan amaun peletakan FD maksimum sebanyak 1.5 kali (1.5x) Amaun Pelaburan dalam **Pelaburan Terpilih ("Powerlink FD")**; dan
 - menunjuk Hong Leong Connect App daripada telefon bimbit Pelanggan HLB kepada pengurus perhubungan HLB dan/atau kakitangan cawangan

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

Jadual 1: Amaun Pelaburan Minimum bagi Pelaburan Terpilih

Jenis Pelanggan	Jenis Pelaburan	Amaun Pelaburan Minimum	Caj Jualan UT Minimum	Pelaburan: Nisbah FD	Amaun FD Maksimum	Kadar FD Promosi
Pelanggan PV/PB	UT	RM50,000	3.00%*	1:1.5	Sehingga 1.5 kali Amaun Pelaburan dan tidak lebih daripada RM5,000,000	FD 2-bulan pada 8.88% setahun.
Pelanggan PV/PB	FRNID	RM100,000	N/A	1:1.5		
Bukan Pelanggan PV/PB	UT	RM30,000	4.00%**	1:1.5		

* 3.00% merujuk kepada caj jualan UT minimum yang terpakai kepada dana UT sertaan yang dilangani Pelanggan PV/PB.

** 4.00% merujuk kepada caj jualan UT minimum yang terpakai kepada dana UT sertaan yang dilangani Bukan Pelanggan PV/PB.

174. Bagi mengelakkan keraguan, untuk membolehkan Pelanggan HLB menikmati Kadar FD Promosi di atas ini:

- Peletakan amaun pelaburan bagi Pelaburan Terpilih dan Powerlink FD hendaklah dilakukan serentak pada hari yang sama semasa Tempoh Kempen; dan
- Amaun FD Powerlink maksimum hendaklah diletak serentak dengan Pelaburan Terpilih diungkapkan sebagai nisbah kepada amaun Pelaburan Terpilih dan tidak lebih daripada RM5,000,000.
- Kadar FD Promosi terpakai kepada Dana Baharu sahaja (seperti ditakrif dalam Fasal 176).

175. Dana Baharu ditakrif sebagai:

- Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam akaun FD sedia ada atau baharu Pelanggan PB; dan
- Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA HLB.

176. Yang berikut ini tidak boleh dianggap "Dana Baharu":

- FD yang matang atau pengeluaran pramatang FD daripada mana-mana akaun FD/akaun Deposit Tetap-i ("FD-i") HLB / HLISB yang sedia ada;
- Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan/i dan/atau Akaun Semasa/i (CASA dan/atau CASA-i), FD, FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
- Pindahan antara cawangan di dalam Bank termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

177. Pelanggan Powerlink HLB baharu dikehendaki membuka akaun FD baharu dengan HLB semasa Tempoh Promosi (jika Pelanggan HLB tidak mempunyai akaun FD yang sedia ada) untuk membolehkannya memenuhi keperluan ini.
178. Pelanggan Powerlink HLB yang telah menunaikan dan memenuhi keperluan seperti dinyatakan dalam Fasal 174 and 175 di atas akan disebut “Pelanggan Powerlink Layak” bagi tujuan **Promosi B13**.
179. Pelanggan Powerlink Layak dikehendaki menamakan satu Akaun CASA yang diselenggarakan dengan HLB yang seharusnya atas nama semua Pelanggan Powerlink Layak (“CASA Namaan”) untuk tujuan mengkreditkan faedah yang diperolehi di bawah Promosi ini. Faedah FD yang diperolehi hendaklah dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Powerlink Layak pada tarikh matang Tempoh. Tokokan faedah kepada Jumlah Pokok FD tidak dibenarkan.
180. Sekiranya Amaun FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, tiada faedah akan dibayar kepada Pelanggan Powerlink Layak.
181. Bank berhak menolak balik dan memotong amaun yang setara dengan kadar faedah yang dibayar bagi FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun Pokok FD semasa pengeluaran.
182. Pada tarikh matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar FD konvensional semasa.
183. Pengeluaran separa FD tidak dibenarkan.
184. Pengeluaran FD, sama ada sebelum atau selepas tarikh matang Tempoh, hanya boleh dibuat di cawangan asal bank, yakni tempat cawangan peletakan FD itu dibuat.
185. Tarikh tempahan UT hendaklah dianggap sebagai tarikh peletakan UT bagi produk-produk UT Terpilih dalam Pelaburan Terpilih
186. Tarikh niaga FRNID hendaklah dianggap sebagai tarikh peletakan FRNID bagi produk-produk FRNID terpilih dalam Pelaburan Terpilih.
187. Peletakan FD dan Amaun Pelaburan dalam Pelaburan Terpilih mestilah dibuat pada hari yang sama dan tidak boleh dikumpulkan daripada hari-hari yang berbeza.
188. Pemegang Akaun Utama (seperti menurut Fasal 173 di atas) bagi Pelaburan Terpilih dan juga akaun FD mestilah di bawah nama Pelanggan Powerlink HLB yang sama.
189. HLB berhak meminda dana-dana sertaan Pelaburan Terpilih yang disenaraikan dalam Lampiran 2 dari semasa ke semasa dalam Tempoh Promosi.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

190. Pelanggan Powerlink Layak adalah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi B13.
191. FD tidak boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mendapatkan apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Powerlink Layak.
192. Jika sekiranya Pelanggan Powerlink Layak menggunakan hak bertenang Unit Amanah mereka atau sebarang transaksi Pelaburan Terpilih ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab sekalipun, maka Pelanggan Powerlink Layak TIDAK berhak menikmati Kadar FD Promosi Powerlink seperti disyaratkan dalam jadual yang dipaparkan dalam Fasal 174 di atas. Dengan itu dana-dana yang diletak dan didepositkan dalam akaun FD akan ditarik balik dan tiada faedah akan dibayar menurut peraturan ABM, Seksyen E (v).

TRANSAKSI PRODUK PELABURAN

193. Pelaburan bersama dianggap kepunyaan orang yang namanya mula-mula tertera dalam borang transaksi pelaburan bagi Pelaburan Terpilih ("**Pemegang Akaun Utama Pelaburan**"). Hanya Pemegang Akaun Utama Pelaburan layak menikmati Kadar FD Powerlink di atas.
194. Pelaburan dalam Dana UT terpilih dalam Pelaburan Terpilih menggunakan dana yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("**KWSP**") tidak dibenarkan.
195. Semua terma dan syarat dan peraturan mengenai transaksi Pelaburan Terpilih akan dikenakan.
196. Terma dan syarat mengenai transaksi dan produk UT bagi Pelaburan Terpilih diperincikan dalam Prospektus terkini dan Prospektus Tambahannya (jika ada) yang telah sempurna didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang akan ditadbir dan dikawal selia menurut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti dipinda) serta garis panduan dan arahan berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

197. **Penafian Unit Amanah:** Dokumen ini bukan bertujuan sebagai pelawaan atau tawaran untuk melanggan unit amanah dan ia bukan penawaran oleh **HLB** untuk mendapatkan langganan unit amanah daripada sesiapa. Pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya, sebelum melabur. Salinan prospektus boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan kami atau pejabat Pengurus Dana. Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus hanya akan dibuat selepas menerima borang permohonan yang dirujuk dan dilampirkan dalam prospektus. Pelabur diingatkan bahawa terdapat yuran dan caj yang dikenakan dalam pembelian unit amanah. Pelabur dinasihatkan agar mempertimbangkan yuran dan caj berkenaan sebelum melabur dan merujuk dengan penasihat kewangan berlesen atau profesional mereka jika ada keraguan mengenai sebarang ciri atau jenis dana. Sila ambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh naik atau turun. Prestasi lampau bukan indikasi prestasi masa hadapan. Pulangan ke atas pelaburan unit amanah tidak dijamin dan unit amanah tidak membentuk deposit bank atau tanggungjawab HLB dan ianya tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLB serta ia tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan amaun prinsipal yang dilaburkan. Skim unit amanah dan unit-unit di dalam skim tersebut tidak diinsuranskan oleh **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")**, dan sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans untuk tujuan pembelian mana-mana unit dalam skim unit amanah tidak diinsuranskan oleh PIDM.
198. Semua terma dan syarat dan peraturan sedia ada yang mengawal FRNID terpilih di bawah Pelaburan Terpilih akan dikenakan. Terma dan syarat yang mengawal FRNID terpilih yang diperincikan dalam Helaian Terma dan Helaian Pendedahan Produk berkenaan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk seperti yang dipinda dari semasa ke semasa dan apa-apa garis panduan dan peraturan lain berkenaan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan dari semasa ke semasa.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:

PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

Notis Penting: Pelanggan HLB tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah Bahagian IV Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Dana pampasan ini tidak meliputi Pelanggan HLB jika Pelanggan HLB mengalami kerugian kewangan akibat penyalahgunaan, atau penipuan salah guna wang dan harta lain, oleh pengarah, pegawai, kakitangan atau wakil HLB.

UMUM

199. Pelanggan FD/-i Layak, Pemegang Akaun CASA/-i Layak, Pelanggan ASNB, Pelanggan Insurans Layak, Pelanggan Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i Layak, Pelanggan Pembiayaan Hartanah-i Layak, Pelanggan HLPF Layak, Pemegang Akaun BizOne Layak, Pemegang Akaun Semasa PowerSME Layak, Pelanggan Pinjaman Tunai Biz Layak, Pelanggan Pembiayaan Gadai Janji/Hartanah-i GSME Layak dan Pelanggan PowerLink Pengurusan Kekayaan secara kolektif disebut "Pelanggan".

Kadar Promosi FD/-i, Pemberian CASA/-i, Pemberian ASNB, Kadar Promosi FD Banca, Kadar Promosi Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i, Pemberian Pembiayaan Hartanah-i, Pemberian Pembiayaan Auto/-i, Pemberian Akaun Semasa BizOne, Pemberian Akaun Semasa Power SME, Kadar Promosi Pinjaman Tunai Biz, Kadar Promosi Pembiayaan Gadai Janji/Hartanah-i GSME dan Kadar FD PowerLink Pengurusan Kekayaan secara kolektif disebut "Ganjaran".

Promosi A1, A2, A3, A4, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12 dan B13 secara individu juga disebut "setiap Promosi" dan secara kolektif disebut "Kempen".

200. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:
- Bersetuju telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Kempen;
 - Semua rekod transaksi yang terakam dalam sistem Bank sepanjang Tempoh Kempen dan senarai Pelanggan adalah tepat dan muktamad;
 - Bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani;
 - Bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Perbankan Prioriti, Terma dan Syarat Perbankan Persendirian, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Am Akaun HLB/HLISB mengenai Hong Leong CASA dan Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), terma dan syarat Pinjaman Perumahan/Kedai Hong Leong, Pinjaman Perumahan/Kedai MortgagePlus Hong Leong, Pinjaman Perumahan/Kedai Perniagaan Hong Leong dan Pembiayaan Hartanah-i Fleksi CM Hong Leong (Pembiayaan Perumahan/Kedai) sebagai suatu perjanjian keseluruhan, Terma dan Syarat Utama bagi Pinjaman Tunai Perniagaan Hong Leong dan Terma & Syarat berkenaan yang lain hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut;
 - Bersetuju bahawa semua permohonan Kemudahan Sertaan adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank;
 - Bersetuju bahawa semua permohonan Kemudahan Pembiayaan sertaan adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank;
 - Bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dan laman web HLISB di www.hlisb.com.my ("Laman Web HLISB") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
 - membenarkan HLB/HLISB untuk mendedahkan data peribadi mereka (iaitu nama, No. Kad Pengenalan, alamat emel dan/atau butiran hubungan, jika berkenaan) kepada penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada HLMT, dCatalyst dan M3Tech bagi tujuan pengendalian dan pemenuhan Kempen ini;
 - bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
201. Bank berhak:
- menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar;
 - mengubah, menambah, membatalkan mana-mana atau kesemua Ganjaran dengan produk lain yang sama nilainya dengan memberi notis awal;
 - menolak atas budi bicaranyanya yang mutlak mana-mana permohonan Kemudahan Layak yang dikemukakan tanpa memberikan sebarang sebab;
 - melupakan dan/atau menolak balik mana-mana atau kesemua Ganjaran sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
 - melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun, menurut budi bicara mutlak HLB/HLISB yang didapatinya wajar, daripada menyertai Kempen dan/atau berhak menerima Pemberian itu; dan
 - melupakan Ganjaran sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi.
202. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen TIDAK layak menyertai mana-mana Promosi dan/atau TIDAK berhak menerima Pemberian.

203. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan, segala kos berkaitan dengan penyampaian atau pemasangan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen dan/atau penerimaan Kadar Promosi FD/Pulangan Tunai/Hadiah Tunai/e-Kupon.
204. Semua Akaun Layak Pelanggan Layak mestilah sah/ aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen dan/atau Terma dan Syarat Am Kempen pada masa Ganjaran diberikan.
205. Pemberian Ganjaran adalah atas dasar "Sebagaimana Ada". Ganjaran yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Pemberian dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian daripada Pemberian itu.
206. Bank tidak memberi representasi atau waranti mengenai kualiti atau kesesuaian Pemberian dan tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti mana-mana Pemberian yang hilang, kecurian atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak). Pelanggan hendaklah berurus secara langsung dengan syarikat peniaga dan/atau syarikat pembuat berkenaan bagi segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa bantuan HLB/HLISB.
207. Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.
208. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB/HLISB hendaklah diutamakan.
209. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
210. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya

Deposit/Deposit-i dan Produk Insurans adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").

Produk Unit Amanah dan FRNID TIDAK layak mendapat perlindungan PIDM.

Lampiran 1 - Dana Unit Amanah Terpilih

Senarai 1 : Dana Unit Amanah sertaan untuk pelanggan PV/PB

No.	Code	Fund Name	Fund Provider
1	HWA01	Affin Hwang Select Opportunity	Affin Hwang Asset Management Berhad
2	HWA03	Affin Hwang Select Balanced	Affin Hwang Asset Management Berhad
3	HWA07	Affin Hwang Select Income	Affin Hwang Asset Management Berhad
4	HWA11	Affin Hwang Select Asia Pac ex Japan REITs & Infrastructure	Affin Hwang Asset Management Berhad
5	HWA17	Affin Hwang Select AUD Income - MYR	Affin Hwang Asset Management Berhad
6	HWA18	Affin Hwang Select Dividend	Affin Hwang Asset Management Berhad
7	HWA25	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opportunity	Affin Hwang Asset Management Berhad
8	HWA26	Affin Hwang Select SGD Income - MYR	Affin Hwang Asset Management Berhad
9	HWA27	Affin Hwang China Growth	Affin Hwang Asset Management Berhad
10	HWA28	Affin Hwang Japan Growth	Affin Hwang Asset Management Berhad
11	HWA19	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Quantum	Affin Hwang Asset Management Berhad
12	AM05	AmPan European Property Equities	AmInvestment Services Berhad
13	AM03	AmSchroder European Equity Alpha	AmInvestment Services Berhad
14	AM20	AMCUMULATIVE GROWTH	AmInvestment Services Berhad
15	AM25	AMASIA PACIFIC REITS	AmInvestment Services Berhad
16	AM29	AmTotal Return	AmInvestment Services Berhad
17	AM30	AmAsia Pacific Equity Income	AmInvestment Services Berhad
18	AM33	AmAsia Pacific REITs Plus	AmInvestment Services Berhad
19	AM34	AmConservative	AmInvestment Services Berhad
20	AM35	Global Dividend	AmInvestment Services Berhad
21	CIMB01	CIMB-Principal Global Titans	CIMB-Principal Asset Management Berhad
22	CIMB04	CIMB-Principal Greater China Equity	CIMB-Principal Asset Management Berhad
23	CIMB07	CIMB-Principal China-India-Indonesia Eq	CIMB-Principal Asset Management Berhad
24	CIMB10	CIMB-Principal Equity	CIMB-Principal Asset Management Berhad
25	CIMB15	CIMB-Principal Balanced Income	CIMB-Principal Asset Management Berhad
26	CIMB17	CIMB-Principal Equity Growth & Income	CIMB-Principal Asset Management Berhad
27	CIMB18	CIMB-Principal Equity Income	CIMB-Principal Asset Management Berhad
28	CIMB19	CIMB-Principal Inc Plus Balanced	CIMB-Principal Asset Management Berhad
29	CIMB29	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Inc	CIMB-Principal Asset Management Berhad
30	CIMB30	CIMB-Principal Global Multi Asset Income	CIMB-Principal Asset Management Berhad
31	CIMB32	CIMB-Principal Balanced	CIMB-Principal Asset Management Berhad
32	CIMB33	CIMB-Principal Small Cap	CIMB-Principal Asset Management Berhad
33	CIMB35	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Growth - MYR	CIMB-Principal Asset Management Berhad
34	PRU02	Eastspring Investments Growth	Eastspring Investments Berhad
35	PRU03	Eastspring Investments Balanced	Eastspring Investments Berhad
36	PRU07	Eastspring Inv Asia Pacific Equity MY	Eastspring Investments Berhad
37	PRU09	Eastspring Inv Asia Select Income	Eastspring Investments Berhad
38	PRU10	Eastspring Investments Equity Income	Eastspring Investments Berhad
39	PRU23	Eastspring Investments MY Focus	Eastspring Investments Berhad
40	FTAM01	Franklin US Opportunities MYR	Franklin Templeton Asset Management
41	FTAM02	Templeton Global Equity A (MYR)	Franklin Templeton Asset Management
42	FTAM03	Templeton Global Balanced A (MYR)	Franklin Templeton Asset Management
43	HLG01	Hong Leong Growth	Hong Leong Asset Management Berhad
44	HLG02	Hong Leong Penny Stock	Hong Leong Asset Management Berhad

45	HLG04	Hong Leong Consumer Products Sector	Hong Leong Asset Management Berhad
46	HLG10A	Hong Leong Bond	Hong Leong Asset Management Berhad
47	HLG11	Hong Leong Balanced	Hong Leong Asset Management Berhad
48	HLG14	Hong Leong Dividend	Hong Leong Asset Management Berhad
49	HLG15	Hong Leong Strategic	Hong Leong Asset Management Berhad
50	HLG37	Hong Leong HK Equity Optimizer	Hong Leong Asset Management Berhad
51	HLG40	Hong Leong Regular Income	Hong Leong Asset Management Berhad
52	OSK01	RHB Emerging Opportunity Unit Trust	RHB Asset Management Sdn Bhd
53	OSK02	RHB Small Cap Opportunity Unit Trust	RHB Asset Management Sdn Bhd
54	OSK03	RHB Kidsave Trust	RHB Asset Management Sdn Bhd
55	OSK09	RHB Smart Treasure	RHB Asset Management Sdn Bhd
56	OSK10	RHB Smart Balanced	RHB Asset Management Sdn Bhd
57	OSK12	RHB Growth & Income Focus	RHB Asset Management Sdn Bhd
58	OSK16	RHB Resources	RHB Asset Management Sdn Bhd
59	OSK20	RHB Golden Dragon	RHB Asset Management Sdn Bhd
60	OSK21	RHB Thematic Growth	RHB Asset Management Sdn Bhd
61	OSK23	RHB Big Cap China Enterprise	RHB Asset Management Sdn Bhd
62	OSK25	RHB Malaysia Dividend	RHB Asset Management Sdn Bhd
63	OSK30	RHB Energy	RHB Asset Management Sdn Bhd
64	OSK31	RHB Gold and General	RHB Asset Management Sdn Bhd
65	OSK34	RHB US Focus Equity	RHB Asset Management Sdn Bhd
66	OSK40	RHB Multi Asset Regular Income	RHB Asset Management Sdn Bhd
67	RHB42	RHB GS US Equity	RHB Asset Management Sdn Bhd
68	OSK43	RHB Asian Income	RHB Asset Management Sdn Bhd
69	OSK45	RHB GoldenLife 2020	RHB Asset Management Sdn Bhd
70	OSK46	RHB GoldenLife 2030	RHB Asset Management Sdn Bhd
71	TA05	TA Global Technology	TA Investment Management Bhd
72	TA02	TA South East Asia Equity	TA Investment Management Bhd
73	TA03	TA European Equity	TA Investment Management Bhd
74	TA04	TA Asian Dividend Income	TA Investment Management Bhd
75	TA10	TA GROWTH	TA Investment Management Bhd

Senarai 2 : Dana Unit Amanah sertaan untuk pelanggan selain daripada PV/PB

No.	Code	Fund Name	Fund Provider
1	HWA01	Affin Hwang Select Opportunity	Affin Hwang Asset Management Berhad
2	HWA03	Affin Hwang Select Balanced	Affin Hwang Asset Management Berhad
3	HWA11	Affin Hwang Select Asia Pac ex Japan REITs & Infrastructure	Affin Hwang Asset Management Berhad
4	HWA18	Affin Hwang Select Dividend	Affin Hwang Asset Management Berhad
5	HWA25	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opportunity	Affin Hwang Asset Management Berhad
6	HWA27	Affin Hwang China Growth	Affin Hwang Asset Management Berhad
7	HWA28	Affin Hwang Japan Growth	Affin Hwang Asset Management Berhad
8	HWA19	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Quantum	Affin Hwang Asset Management Berhad
9	AM05	AmPan European Property Equities	AmInvestment Services Berhad
10	AM03	AmSchroder European Equity Alpha	AmInvestment Services Berhad
11	AM20	AMCUMULATIVE GROWTH	AmInvestment Services Berhad
12	AM25	AMASIA PACIFIC REITS	AmInvestment Services Berhad
13	AM29	AmTotal Return	AmInvestment Services Berhad

14	AM30	AmAsia Pacific Equity Income	AmInvestment Services Berhad
15	AM33	AmAsia Pacific REITs Plus	AmInvestment Services Berhad
16	AM35	Global Dividend	AmInvestment Services Berhad
17	CIMB01	CIMB-Principal Global Titans	CIMB-Principal Asset Management Berhad
18	CIMB04	CIMB-Principal Greater China Equity	CIMB-Principal Asset Management Berhad
19	CIMB07	CIMB-Principal China-India-Indonesia Eq	CIMB-Principal Asset Management Berhad
20	CIMB10	CIMB-Principal Equity	CIMB-Principal Asset Management Berhad
21	CIMB15	CIMB-Principal Balanced Income	CIMB-Principal Asset Management Berhad
22	CIMB17	CIMB-Principal Equity Growth & Income	CIMB-Principal Asset Management Berhad
23	CIMB18	CIMB-Principal Equity Income	CIMB-Principal Asset Management Berhad
24	CIMB19	CIMB-Principal Inc Plus Balanced	CIMB-Principal Asset Management Berhad
25	CIMB29	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Inc	CIMB-Principal Asset Management Berhad
26	CIMB30	CIMB-Principal Global Multi Asset Income	CIMB-Principal Asset Management Berhad
27	CIMB32	CIMB-Principal Balanced	CIMB-Principal Asset Management Berhad
28	CIMB33	CIMB-Principal Small Cap	CIMB-Principal Asset Management Berhad
29	CIMB35	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Growth - MYR	CIMB-Principal Asset Management Berhad
30	PRU02	Eastspring Investments Growth	Eastspring Investments Berhad
31	PRU03	Eastspring Investments Balanced	Eastspring Investments Berhad
32	PRU07	Eastspring Inv Asia Pacific Equity MY	Eastspring Investments Berhad
33	PRU09	Eastspring Inv Asia Select Income	Eastspring Investments Berhad
34	PRU10	Eastspring Investments Equity Income	Eastspring Investments Berhad
35	PRU23	Eastspring Investments MY Focus	Eastspring Investments Berhad
36	FTAM01	Franklin US Opportunities MYR	Franklin Templeton Asset Management
37	FTAM02	Templeton Global Equity A (MYR)	Franklin Templeton Asset Management
38	FTAM03	Templeton Global Balanced A (MYR)	Franklin Templeton Asset Management
39	HLG01	Hong Leong Growth	Hong Leong Asset Management Berhad
40	HLG02	Hong Leong Penny Stock	Hong Leong Asset Management Berhad
41	HLG04	Hong Leong Consumer Products Sector	Hong Leong Asset Management Berhad
42	HLG10A	Hong Leong Bond	Hong Leong Asset Management Berhad
43	HLG11	Hong Leong Balanced	Hong Leong Asset Management Berhad
44	HLG14	Hong Leong Dividend	Hong Leong Asset Management Berhad
45	HLG15	Hong Leong Strategic	Hong Leong Asset Management Berhad
46	HLG37	Hong Leong HK Equity Optimizer	Hong Leong Asset Management Berhad
47	OSK01	RHB Emerging Opportunity Unit Trust	RHB Asset Management Sdn Bhd
48	OSK02	RHB Small Cap Opportunity Unit Trust	RHB Asset Management Sdn Bhd
49	OSK03	RHB Kidsave Trust	RHB Asset Management Sdn Bhd
50	OSK09	RHB Smart Treasure	RHB Asset Management Sdn Bhd
51	OSK10	RHB Smart Balanced	RHB Asset Management Sdn Bhd
52	OSK12	RHB Growth & Income Focus	RHB Asset Management Sdn Bhd
53	OSK16	RHB Resources	RHB Asset Management Sdn Bhd
54	OSK20	RHB Golden Dragon	RHB Asset Management Sdn Bhd
55	OSK21	RHB Thematic Growth	RHB Asset Management Sdn Bhd
56	OSK23	RHB Big Cap China Enterprise	RHB Asset Management Sdn Bhd
57	OSK25	RHB Malaysia Dividend	RHB Asset Management Sdn Bhd
58	OSK30	RHB Energy	RHB Asset Management Sdn Bhd
59	OSK31	RHB Gold and General	RHB Asset Management Sdn Bhd
60	OSK34	RHB US Focus Equity	RHB Asset Management Sdn Bhd
61	OSK40	RHB Multi Asset Regular Income	RHB Asset Management Sdn Bhd

62	RHB42	RHB GS US Equity	RHB Asset Management Sdn Bhd
63	OSK43	RHB Asian Income	RHB Asset Management Sdn Bhd
64	OSK45	RHB GoldenLife 2020	RHB Asset Management Sdn Bhd
65	OSK46	RHB GoldenLife 2030	RHB Asset Management Sdn Bhd
66	TA05	TA Global Technology	TA Investment Management Bhd
67	TA02	TA South East Asia Equity	TA Investment Management Bhd
68	TA03	TA European Equity	TA Investment Management Bhd
69	TA04	TA Asian Dividend Income	TA Investment Management Bhd
70	TA10	TA GROWTH	TA Investment Management Bhd